

Headline	Henti guna beg, penyedut plastik		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	20 Dec 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	52	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	397 cm <sup>2</sup>
Journalist	Ruwaida Md Zain	AdValue	RM 13,146
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,438



# Henti guna beg, penyedut plastik

Selangor  
rancang tindakan  
lebih tegas

Oleh Ruwaida Md Zain  
bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Peniaga yang masih membekalkan beg dan penyedut minuman plastik mungkin tidak dibenarkan memperbaharui lesen perniagaan pada masa depan.

Kerajaan negeri merancang untuk memperkenalkan langkah lebih tegas secara berperingkat, termasuk tidak memperbaharui lesen perniagaan peniaga yang gagal mematuhi syarat lesen berkaitan pembekalan beg dan penyedut minuman plastik.

EXCO Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Sains, Teknologi dan Inovasi, Hee Loy Sian, berkata kerajaan negeri bukan berniat menakutkan peniaga atau pelanggan, sebaliknya ia mencerminkan pihaknya tidak berkompromi dalam mengurangkan penggunaan bahan plastik

di Selangor.

"Kita akan buat secara berperingkat-peringkat, kita bukan hendak menakutkan pelanggan dan peniaga, kita tidak terus tarik atau tidak bagi mereka perbaharui lesen kerana itu masih dalam perancangan.

"Kita akan buat klausa ini dalam pelesenan, kemudian mendidik dan beri amaran dahulu supaya mereka mematuhi dan mengikut syarat yang ditetapkan, kita akan bagi masa sedikit kepada pengusaha," katanya pada sidang media selepas menyempurnakan Kempen Kepenggunaan dan Hari Terbuka Pelesenan Peringkat MBSA 2019, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Haris Kasim.

Loy Sian berkata, penguatkuasaan itu membabitkan pengusaha berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) sahaja.

"Peniaga pasar malam, pasar tani atau pasar pagi tidak ada dalam kategori ini. Kita akan guna kempen berlainan untuk mendidik mereka sebelum menjalankan penguatkuasaan.

"Seperti di pasar malam kita galakkan mereka guna bekas



**Loy Sian (lima dari kiri) dan Haris (empat dari kiri)** bersama penerima anugerah selepas menyempurnakan Kempen Kepenggunaan dan Hari Terbuka Pelesenan Peringkat MBSA 2019, di Shah Alam, semalam. (Foto Ihsan MBSA)

*biodegradable*, pembalut kertas atau pelanggan bawa bekas dari rumah," katanya.

Sementara itu, Haris pula mengumumkan MBSA akan menyeragamkan khemah peniaga di kawasan pentadbirannya, secara berperingkat.

Katanya, untuk peringkat per-

mulaan pelaksanaan itu akan dikenakan terhadap peniaga bazar Ramadan di 31 lokasi dalam kawasan MBSA, yang akan wajibkan menggunakan khemah yang disediakan oleh PBT itu.

"Fasa berikutnya di pasar malam, pasar pagi dan mana-mana peniaga dalam kawasan MBSA

yang guna khemah kita tidak mahu bermacam-macam khemah digunakan.

"MBSA akan memberikan diskaun 50 peratus untuk inisiatif pada peringkat awal ini bagi meringankan beban peniaga, terutama yang baru hendak berniaga," katanya.